

Parlimen: Peningkatan Penalti Kesalahan Jalan Raya Bukan Beri Keuntungan Kepada Pihak Tertentu

Bernama

28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan Khamis menolak dakwaan bahawa peningkatan kadar penalti bagi beberapa kesalahan jalan raya adalah untuk memberi keuntungan kepada pihak tertentu.

Timbalan menterinya, Datuk Abd Rahim Bakri berkata di Dewan Rakyat, sebaliknya peningkatan itu bertujuan mengenakan tindakan yang lebih tegas dan mengurangkan kadar kemalangan.

"Kerajaan mahu memastikan rakyat yang tidak bersalah dan mematuhi undang-undang mendapat perlindungan sewajarnya terutama dengan peningkatan jumlah kenderaan di atas jalan raya serta kemalangan termasuk kemalangan maut.

"Kalau ada orang yang tidak hormat undang-undang, adakah kita harus bersikap tidak apa kepada golongan ini? Malangnya pihak pembangkang putar belit menyatakan pindaan dibuat untuk kepentingan tertentu," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 di Dewan Rakyat di sini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676684>